

# Jepun lambat-laun akan sertai juga EAEC — Mahathir

15 OCT 1992

(9) overseas tips

HONG KONG 13 Okt. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Jepun lambat-laun akan terpaksa juga menyertai Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) kerana pasarnya akan menguncup dan blok perdagangan yang lain enggan menerimanya.

"Jika Jepun tidak turut serta, ia akan tertinggal seseorang... sama ada ia suka atau tidak, kini sudah wujud NAFTA di samping komuniti-komuniti ekonomi lain dan mereka ini tidak akan mengajak Jepun untuk ikut serta.

"Akan sampai satu peringkat di mana Jepun akan mendapati pasarnya menguncup dan ketika itu ia akan memerlukan sokongan pasaran serantau yang besar... untuk membuka semula pasaran-pasarannya yang lain," ujar beliau.

Perdana Menteri menyatakannya demikian, semasa sesi soal jawab dengan Kelab Wartawan Asing Hong Kong tengah hari ini, sebe-

lum itu beliau menyampaikan ucapan tentang masa depan kumpulan serantau.

Dr. Mahathir berkata, Jepun perlu memikirkan perkara ini secara serius, jika tidak ia mungkin tertinggal.

Beliau menambah, Jepun tentulah lebih sedar akan sentimen yang menentangnya ekoran kejayaannya yang sukar ditandingi oleh pihak-pihak yang maju lebih awal.

Jelasnya lagi, apabila Jepun mula mengeluarkan barangan yang bermutu dan murah, ia 'memotong' industri negara-negara lain sehingga mendorong negara-negara itu menghadkan pembelian barangan keluaran Jepun.

"Tetapi jika mereka terus menggunakan had itu sehingga eksport Jepun hanya terhad dalam Asia Timur sahaja, maka Jepun akan terpaksa menyertai EAEC, sama ada ia suka atau tidak," tegas Dr. Mahathir.

Menjawab soalan lain tentang perkara yang sama,

beliau berkata, Amerika Syarikat tidak boleh diterima menyertai EAEC kerana faktor geografi, faktor budaya dan juga kerana ia sudah pun menjadi anggota blok perdagangan yang lain.

Dalam hubungan ini, beliau menjelaskan bahawa faktor geografi (kedudukan sesebuah negara) sahaja tidak cukup untuk melayakkan sesebuah negara menjadi anggota sesuatu blok kerana faktor budaya juga penting.

Beliau menarik perhatian bagaimana NAFTA (Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara) mungkin turut disertai oleh Australia dan New Zealand meskipun kedua-dua buah negara itu bukan negara Amerika Utara.

Jelaslah, ujar beliau, dalam kes ini faktor budaya diambil kira.

Di samping itu, katanya, terdapat pula syor supaya Taiwan pula turut menganggotai NAFTA. Tanya Perdana Menteri: "Kenapa tidak Jepun, kenapa tidak seluruh

dunia diajak menyertai NAFTA supaya sekatan tarif dapat dikurangkan."

Dr. Mahathir berkata, Australia dan New Zealand memang tidak boleh menyertai EAEC semata-mata kerana mereka bukan dalam Asia Timur dan lagi pula mereka baru-baru ini sudah dijemput menyertai NAFTA.

Menjawab pertanyaan tentang kebimbangan EAEC akan berdagang mengikut lunas perkauman, Perdana Menteri berkata ini sudah pun dilakukan oleh komuniti Eropah.

"NAFTA sendiri mungkin dilihat dari sudut pandangan ini," ujarnya.

Di sebelah Timur, kata beliau, penduduknya tidak mempunyai sikap besar diri dan angkuh seperti di Barat. Oleh itu Barat tidak perlu takut perdagangan dibuat mengikut lunas perkauman kerana mereka sendiri sudah melakukannya. —Utusan.